

Headline	RHB optimis capai 10 peratus penguasaan tunai atas talian		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Aug 2015	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	228 cm ²	Journalist	NABIL BASARUDDIN
PR Value	RM 13,519		



RHB optimis capai 10% penguasaan tunai atas talian

Oleh **NABIL BASARUDDIN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 31 Julai - RHB Bank Bhd. (RHB Bank) optimis untuk men-capai sasaran sebanyak 10 peratus bagi segmen pengurusan tunai atas taliannya menjelang tahun 2017 menerusi produk peruncitan elektronik.

Pengarah Perbankan Perniagaan RHB Bank, Amy Ooi berkata, syarikat perbankan itu kini akan memberi tumpuan terhadap penggunaan yang minimum bagi transaksi menggunakan cek untuk pelanggan daripada sektor korporat dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Jelas beliau, pihaknya kini dalam proses untuk menggalakkan lebih ramai lagi pelanggan baharu dan sedia ada menggunakan perkhidmatan bayaran elektronik dalam menguruskan sebarang urusan transaksi perniagaan.

"Ini merupakan antara langkah strategik yang dilakukan oleh kita dan syarikat akan terus membina keupayaan digital untuk menyediakan pelanggan dengan kemudahan dan akses yang mudah kepada bayaran elektronik," katanya ketika merasmikan majlis penyerahan hadiah kepada 13 pemenang kempen RHB Reflex and Transact di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penyelesaian Pengurusan Tunai RHB Bank, Norazila M. Hizam.

Mengulas mengenai majlis berkenaan, Ooi berkata, maklum balas



AMY OOI SWEE LIAN (tiga dari kiri) dan Norazila Mohd Hizam (tengah) bersama-sama dengan pemenang kempen RHB Reflex and Transact di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ASYRAAF MUQRI

yang diterima daripada pelanggan bagi kempen RHB Reflex and Transact sangat memberangsangkan.

"Menerusi kempen ini, kami telah berjaya mencapai sebanyak 86 peratus penyertaan pelanggan, 97 peratus untuk jumlah deposit dan 92 peratus untuk jangkaan pendapatan faedah bersih daripada apa yang disasarkan," ujarinya.

Kempen yang dianjurkan selama empat bulan yang bermula pada 12 Januari hingga 31 Mei lalu itu bertujuan untuk meningkatkan penggunaan perbankan Internet RHB Bank dalam kalangan pemain industri

perniagaan dan korporat.

"Kempen ini juga selari dengan dasar Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menggalakkan pembayaran elektronik dan mengurangkan penggunaan cek di pasaran sekaligus memudahkan transaksi yang akan dilakukan," katanya.

Antara pemenang utama bagi kempen RHB Reflex and Transact ini termasuklah syarikat korporat seperti Tokio Marine Life Insurance Malaysia sebagai pemenang utama, diikuti oleh TC Management Services Corporation dan Taiyo Yuden (Sarawak) Sdn. Bhd.